

SRII bantu pasar penyelidikan UPM

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mengadakan perkongsian pintar dengan institut SRI International (SRII), California, Amerika Syarikat, melalui memorandum per-setujuan (MoA) semalam, mampu menempatkan penyelidikannya sebaris dengan pereka dan pencipta terkenal dari seluruh dunia sekali gus menjadikan universiti itu yang pertama melahirkan

ramai jutawan di negara ini. Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata untuk mencapai sasaran itu, UPM menggunakan kepakaran SRII bertindak melatih, membantu menyediakan pelan pemasaran dan mencari rakan kongsi memasarkan produk rekaan penyelidik ke peringkat global.

Katanya, beliau yakin perjanjian tiga tahun memba-

bitkan tiga fasa itu bakal membuahkan hasil berikutan kemampuan penyelidik UPM mencipta pelbagai produk yang pernah merangkul banyak anugerah berprestij di seluruh dunia.

"SRII institut paling terbilang di seluruh dunia dan berkepakaran tinggi dalam bidang penciptaan serta pemasaran dengan pengalaman luas 60 tahun memasarkan 5,000 produk anta-

ranya tetikus komputer.

"Sebanyak USD835,000 (RM2.93 juta) diperuntukkan bagi merealisasikan perjanjian ini yang diharapkan mampu meningkatkan aktiviti pengkomersialan penyelidik tempatan di masa depan. Kami juga berharap produk yang terpilih nanti mampu pergi jauh sehingga tersenarai di Bursa Saham New York," katanya.

MoA berkenaan ditanda-

tangani Dr Nik Mustapha dan Presiden SRII, Dr Curtis Carlson dengan disaksikan Pengarah Pusat Pengkomersialan dan Inovasi UPM, Prof Datuk Dr Mohamed Shariff Mohamed Din serta Naib Presiden Pembangunan Pemasaran Strategik SRII, Stephen Ciesinki.

Dr Nik Mustapha berkata, sebanyak 25 produk dihasilkan penyelidik UPM akan dipilih sebelum ditapis.



DR NIK MUSTAPHA
...perkongsian pintar